

19 JUN 1992

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

RENCANA PENGARANG

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

SABTU, 19 JUN, 1982

BERJIMAT UNTUK PEROLEHAN MASA DEPAN

MEMANG tidak boleh dipertikaikan bahawa untuk menjayakan sesuatu rancangan, walau seberapa kecil pun, sokongan dan penyertaan bersepadu dari setiap golongan yang berkepentingan dengannya adalah suatu yang mustahak. Oleh itu, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru rakyat agar menyokong tindakan Kerajaan berjimat cermat dalam perbelanjaan mereka bagi menempuh keadaan ekonomi dunia yang merosot sekarang, beliau sememangnya jujur dan ikhlas dalam seruannya itu. Beliau mahu rakyat turut sama dalam usaha yang murni ini.

Langkah jimat cermat yang diambil oleh Kerajaan sekarang, bagaimanapun tidak wajar ditafsirkan bahawa keadaan ekonomi negara kini sebagai berada dalam keadaan buruk. Apa yang berlaku ialah kadar pertumbuhan ekonomi adalah menurun. Meskipun kadar pertumbuhan ekonomi itu menurun, namun pada keseluruhannya keadaan

ekonomi negara kini adalah stabil, terkawal dan tidak seburuk seperti yang dialami oleh lain-lain negara yang tidak langsung mempunyai pertumbuhan ekonominya.

Dengan adanya fahaman sebenar mengenai keadaan ekonomi negara ini dan langkah berjimat perbelanjaan seharian oleh semua pihak maka apa yang berlaku ialah negara dan rakyat adalah bersatu dalam satu usaha yang dapat memastikan negara akan berjaya melalui saat-saat kemelesetan dengan selamat dan seterusnya mencapai kejayaan.

Kalau Kerajaan boleh menanggungkan beberapa rancangan besar yang memerlukan perbelanjaan besar dan akan hanya menumpukan pada projek-projek yang mempunyai keutamaan tinggi maka rakyat pula harus menimbangkan urusan perbelanjaannya sesuai dengan keutamaan mereka dan dengan itu dapatlah mereka turut menghayati langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan yang murni tujuan-

nya itu. Sesungguhnya berjimat adalah satu amalan yang baik kerana darinya akan dapat mengelakkan pembaziran lantas berupaya mengelakkan diri dari keburukan kemelesetan.

Untuk terus berbelanja dengan sewenang-wenangnya tanpa banyak memikir keadaan masakini adalah satu tindakan yang tidak bijak. Kebijaksanaan menyesuaikan diri dalam keadaan yang mencabar sekarang sewajarnya akan dapat membawa kita ke arah kebahagiaan serta kemewahan yang lebih apabila kemelesetan ini berlalu. Dan ketika itulah nanti maka kebijaksanaan menghayati seruan Kerajaan untuk berjimat akan dapat dihargai dengan sepenuhnya. Oleh itu langkah mengurangkan perbelanjaan dari sekarang amat perlu dijadikan amalan harian demi kepentingan negara dan diri sendiri. Kita tidak harus menyesal di belakang hari kerana peluang untuk bertindak dengan positif di masakini sungguh terang ada di hadapan kita.